

# Ini surat bohong — Mahathir

18 SEP 1978

**K**UALA LUMPUR 17 Sept. — Perhimpunan Agung UMNO Ke-29 yang masuk hari terakhir petang ini menjadi tegang dan senyap sunyi bila Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengajak Raja Nasron Raja Ishak 'bersemuka' mengenai risalah dan salinan 'fotostat' yang diedar kepada para perwakilan di hari pertama perhimpunan, berhubung dengan satu usul tergepar.

Di satu ketika dewan bertambah tegang dengan tepukan dan kedengaran suara-suara jauh yang memekik 'tangkap dia, tangkap dia' apabila Datuk Sri Dr. Mahathir mengumumkan akan menyerahkan salinan 'fotostat' itu kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk siasatan lanjut.

Peristiwa itu berlaku semasa Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, yang juga Timbalan Presiden UMNO serta Timbalan Perdana Menteri, bangkit menyampaikan ucapan gulungnya di hari terakhir perhimpunan tiga hari itu.

Risalah yang disebarkan itu menyeru para perwakilan menyokong satu usul tergepar mendesak kerajaan menarik balik lesen lumba anjing yang telah dikeluarkan. Salinan fotostat yang disertakan adalah berhubung dengan kelulusan lesen tersebut, yang dikatakan dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

kabinet, dan mungkin fotostat tersebut dapat membongkarkan kejadian serupa itu.

"Ia djedarkan bukan dengan tujuan memancing undi atau apa-apa," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyampuk: "Ada originalnya tak?"

Raja Nasron: "Tak ada, cuma fotostat. Kalau hendakkan original boleh tanya pada orang Tionghua yang namanya tertulis dalam surat itu, bolehlah disiasat."

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudian menegaskan kerajaan dipimpin oleh UMNO sebagai tulang belakangnya dan para pemimpinnya tidak sombong atau angkuh dan sedia memberikan sebarang penjelasan pada mana-mana pihak jika perkara seumpama ini dikemukakan secara sendirian dan bukan pada perhimpunan.

"Sebagai ahli UMNO kita patut sedar dan perbuatan seperti ini akan mendatangkan kesan yang tidak akan

**TIMBALAN Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sedang menunjukkan satu kertas yang disebut sebagai risalah, semasa menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung UMNO Malaysia di Hotel Hilton, Kuala Lumpur semalam.**

## OLEH MAHMOOD HASSAN

telah menolak usul itu dengan alasan tidak perlu dibawa.

Datuk Sri Dr. Mahathir: "Saya tunggu pula sama ada ia akan ditimbulkan apabila wakil Selangor berucap. Tapi tak juga timbul."

Raja Nasron: "Saya hanya diberi masa 20 minit oleh Pengerusi Tetap."

Suasana dewan bertambah tegang dan Datuk Sri Dr. Mahathir menyampuk: "Kalaulah perkara yang ditimbulkan ini begitu mendesak apa salahnya diteruskan saja ucapan."

Raja Nasron: "Saya bukan takut nak timbulkan perkara ini, tapi wakil Perak ada menimbulkannya dalam ucapan beliau."

Datuk Sri Dr. Mahathir melahirkan rasa kesal perkara itu ditimbulkan di masa pemilihan ahli-ahli Majlis Tertinggi.

"Soal benar atau tidak betul tuduhan yang ditimbulkan dalam fotostat itu sudah tidak timbul lagi kerana semua tahu tidak ada

'tangkap dia', 'tangkap dia'.

"Saya ingin menyeru Raja Nasron agar dapat memberikan kerjasama kepada Kementerian Dalam Negeri untuk menangkap orang biadab yang mengeluarkannya," tegasnya. Sekali lagi dewan riuh dengan tepukan.

Datuk Sri Dr. Mahathir kemudian menyentuh tentang satu lagi risalah yang disebarkan kepada orang ramai semasa kempen pilihanraya lalu yang dikatakan ditulis oleh seorang Cina, berhubung dengan bagaimana orang Cina hendak menipu orang-orang Melayu.

"Sebenarnya risalah ini dikeluarkan oleh orang-orang Melayu sendiri dengan tujuan supaya orang-orang Melayu khususnya di Damansara tidak akan mengundi calon Barisan Nasional," jelasnya.

Beliau kemudian menyeru para ahli UMNO supaya senantiasa berhati-hati taktik seumpama itu yang bertujuan memecah-belahkan rakyat.

"UMNO sudah berumur 32 tahun dan ahli-ahlinya terdiri daripada orang-orang waras yang tidak mudah terpengaruh dengan emosi yang berapi-api," tegasnya disambut tepukan para perwakilan.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengakui memang ada rasa tidak puashati tetapi janganlah kerana tidak puashati kita cuba robohkan parti sendiri.

"Kita bertanggungjawab menjaga parti UMNO untuk generasi akan datang dan bukan merobohkannya," jelas beliau.

Sambil mengangkat tangan menunjukkan kepada para perwakilan risalah dan salinan fotostat' tersebut Datuk Sri Dr. Mahathir bertanya: "Risalah ini ditandatangani oleh Raja Nasron Raja Ishak dan saya ingin tahu betul atau tidak beliau mengeluarkannya?"

Suasana tegang terus menyelubungi dewan perhimpunan dan selepas senyap sunyi seketika, Raja Nasron bangkit dari kerusinya dan tampil ke mikrophone.

"Ya, saya yang menandatangani risalah itu. Salinan fotostat yang disertakan dengan risalah itu bukan diedar dengan apa-apa tujuan," katanya.

Menurut Raja Nasron, telah berlaku di masa lalu ada pegawai-pegawai yang menggunakan nama

menolong kita dan parti," ujarnya.

Timbalan Presiden UMNO itu menambah, walaupun benar atau tidak tuduhan itu ia akan diperalatkan oleh parti-parti yang menentang UMNO.

"Apalah salahnya diserahkan kepada Kementerian berkenaan. Saya bertanggungjawab pada kerajaan dan juga kabinet, kalau serah pada saya akan saya berikan penjelasan.

"Ini surat bohong! Permohonan bagi lesen lumba anjing yang disebutkan itu telah ditolak masa Datuk Asri masih ada dalam kabinet lagi," terangnya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir beliau menunggu-nunggu usul tergepar yang di bawa oleh Raja Nasron diterima dan dibahaskan oleh para perwakilan tetapi Pengerusi Tetap

lesen lumba anjing yang dikeluarkan oleh kerajaan.

"Orang yang biasa dengan perniagaan yang besar-besar tentu tahu Jabatan Perdana Menteri tidak ada mengeluarkan sebarang lesen," jelasnya, di sambut tepukan para perwakilan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata lagi: "Surat ini tidak ada tandatanganpun. Ini surat tentu bohong dan semata-mata bertujuan membunuh kita sendiri."

### Siasat

Beliau kemudian sambil memegang salinan fotostat itu menambah: "Saya ingin serahkan surat ini pada Menteri Dalam Negeri untuk disiasat lebih lanjut." Disambut tepukan dan teriakan